

# **Kesimpulan daripada Isu-Isu Remaja Suka Melepak**

**Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya**

Negara Malaysia merupakan di antara negara yang maju seiring dengan negara-negara membangun lain. Kemajuan daripada aspek teknologi, ekonomi hingga pentadbiran negara menjadikan Malaysia duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara lain. Malah, rakyat Malaysia sememangnya terkenal dengan tatasusilanya dan dididik untuk menjadi insan yang beradab. Namun, apa yang menyedihkan apabila budaya kini semakin pudar ditelan zaman. Paling ketara apabila golongan ibu bapa dan guru yang dahulunya dihormati dan ditaati tetapi kini semakin tidak dihormati oleh anak-anak mereka. Malah peraturan sekolah juga kini semakin berani pelajar sekolah mengingkarinya. Hal ini amat jelas memberikan gambaran kepada kita bahawa masalah remaja kini adalah berpunca daripada kelekaan banyak pihak terhadap kes-kes remaja kini.

Perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa semua pihak bermula daripada institusi keluarga hingga kepada pihak kerajaan perlu bersama-sama memainkan peranan dalam usaha untuk membanteras masalah lepak sebelum masalah ini mencapai tahap yang lebih serius. Kealpaan pihak keluarga dalam memberikan perhatian serta kasih sayang kepada anak-anak mereka menjadi punca utama kepada remaja untuk mencari jalan keluar daripada dibelenggu rasa bosan yang menguasai mereka bersama rakan-rakan sebaya dengan menghabiskan masa di luar rumah. Bahkan ada pendapat daripada remaja ini bahawa mereka memerlukan kualiti masa dan bukannya kuantiti masa bersama keluarga. Tidak wajar bagi ibu bapa yang menjadikan kerjaya sebagai alasan untuk mereka mengabaikan masa untuk bersama anak-anak mereka. Kasih sayang dan didikan agama yang mencukupi amat penting sebagai medium utama dalam proses membentuk sahsiah remaja.

Sistem pendidikan di sekolah juga amat penting dalam usaha membina disiplin pelajar sekolah. Hal ini kerana majoriti remaja adalah didalam lingkungan pelajar sekolah. Kekuatan daripada aspek disiplin serta pemantauan yang ketat daripada pihak guru sangat membantu golongan remaja membentuk sikap yang bermoral. Kini guru disiplin diberikan kuasa polis untuk menjaga keselamatan pelajar sekolah seharusnya dimanfaatkan dengan sebaik mungkin. Namun, tanggungjawab yang berat ini bukan sahaja terletak di bahu guru disiplin

dan guru agama mahupun guru pendidikan moral sahaja, bahkan ianya turut dipikul bersama oleh semua guru. Hal ini kerana golongan guru dianggap sebagai *role-model* kepada pelajar sekolah.

Selain itu, peranan pihak polis serta kerjasama daripada masyarakat sememangnya amat penting dalam menangani masalah ini. Masyarakat yang bertanggungjawab tidak akan selesa dengan melihat telatah golongan remaja khususnya pelajar sekolah melepak dan membuang masa di tempat-tempat awam. Dengan tindakan melaporkan kepada pihak polis tentang kegiatan pelajar sekolah yang suka melepak pada waktu persekolahan serta diikuti dengan hukuman yang sewajarnya daripada pihak polis akan membantu mengurangkan gejala ini. Bahkan, bukan sahaja dapat membasmi masalah melepak malah usaha ini juga dapat mengurangkan masalah-masalah sosial yang lain seperti ponteng sekolah, merompak serta penyalahgunaan dadah.

Masalah gejala melepak bukanlah suatu perkara yang baru di Malaysia. Masalah ini turut menjadi masalah utama di negara-negara lain. Aktiviti melepak juga dapat diakui mampu untuk mengancam keharmonian dan kesejahteraan negara. Bukan itu sahaja, ianya juga mampu memberikan imej yang buruk kepada negara sekiranya masalah ini tidak dapat ditangani dengan segera. Oleh yang demikian adalah diharapkan kepada semua pihak untuk berusaha memainkan peranan dengan serius untuk mencegah masalah ini daripada menjadi lebih buruk. Dengan memberikan kesedaran kepada remaja akan keburukan melepak, hasilnya masalah ini dapat diatasi dengan segera dan imej negara yang semakin pudar akan dapat dipulihkan.